

U B895 AAB
MAHATHIR - KOMANUEL

KUALA LUMPUR, 11 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, KEBANYAKAN RAKYAT DI NEGARA-NEGARA ANGGOTA KOMANWEL BELUM DAPAT MENIKMATI HASIL DARIPADA PROGRAM-PROGRAM EKONOMI DAN SOSIAL PERTUBUHAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA SANGAT MENGHARAPKAN AGAR KOMANWEL DAPAT MEMAINKAN PERANANNYA DENGAN LEBIH AKTIF DAN BERKESAN UNTUK MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH KEMANUSIAAN SEJAGAT KHUSUSNYA KEMISKINAN.

KETIKA MERASMIKAN PAMERAN +KOMANWEL KINI+ SEMPERA MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL (CHOGM), DI MUZIUM NEGARA DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA:

+SUNGGUHPUN KOMANWEL BERGERAK CERGAS UNTUK MENYELESAIKAN PELBAGAI MASALAH EKONOMI DAN SOSIAL YANG DIHADAPI OLEH NEGARA-NEGARA ANGGOTA MELALUI PELBAGAI PROGRAM SAINS DAN TEKNOLOGI, KESIHATAN, PENDIDIKAN, PERTANIAN DAN SUKAN, NAMUN MASIH TERDAPAT TANDA-TANDA MENUNJUKKAN PROGRAM TERSEBUT BELUM DINIKMATI OLEH KEBANYAKAN RAKYAT NEGARA ANGGOTA YANG LAYAK MENIKMATINYA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KOMANWEL MERUPAKAN PERTUBUHAN YANG UNIK KERANA IA MERUPAKAN SATU-SATUNYA PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA DI LUAR PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG DIANGGOTAI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU, SEDANG MEMBANGUN DAN YANG MISKIN. -- LAGI.

1843MST 11 10 89

U B898 AAB
MAHATHIR - KOMANWEL 2 KUALA LUMPUR

+INI BERMAKNA PERTUBUHAN KOMANWEL DAPAT MENEMUKAN RATUSAN JUTA RAKYAT NEGARA-NEGARA YANG TERKAYA DI DUNIA DAN JUGA YANG TERMISKIN, + KATANYA DAN MENAMBAH, RAKYAT KOMANWEL JUGA TERDIRI DARIPADA PELBAGAI BANGSA DAN SUKU KAUM YANG BERTUTUR PELBAGAI BAHASA SERTA MENGAMALKAN PELBAGAI KEPERCAYAAN DAN KEBUDAYAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT DI SETIAP NEGARA ANGGOTA BEBAS MEMILIH, MENETAP DAN MEMPRAKTIKKAN DASAR PEMERINTAHANNYA YANG TERSENDIRI BERASASKAN FALSAFAH DAN IDEAL YANG TERKANDUNG DALAM PERISYTIHARAN PRINSIP-PRINSIP KOMANWEL.

MENGENAI PAMERAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEJAK TERTUBUHNYA KOMANUEL PADA 1948, RIBUAN PERISTIWA MENARIK TELAH DIRAKAMKAN SEPERTI KEMERDEKAAN TETAPI TERDAPAT JUGA PERISTIWA LAIN YANG AKAN TERBIAR BEGITU SAHAJA ATAU HANYA TERSIMPAN DALAM KHAZANAH PERPUSTAKAAN YANG HANYA DAPAT DIMANFAATKAN OLEH GOLONGAN TERTENTU.

BELIAU BERHARAP PAMERAN ITU DAPAT MEMBERI KEFAHAMAN KEPADA PENGUNJUNG MENGENAI PERTUBUHAN KOMANWEL, MATLAMATNYA DAN SUMBANGANNYA KEPADA RAKYAT DAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN MELAWAT PAMERAN ITU, DIIRINGI OLEH MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK, KETUA PENGARAH MUZIUM NEGARA, DATUK SHAHRUM YOB DAN WAKIL-WAKIL KEDUTAAN KOMANWEL.

PAMERAN ITU, YANG AKAN BERLANGSUNG SEPANJANG PERSIDANGAN, ADALAH HASIL USAHASAMA URUSETIA CHOGM, INSTITUT KOMANWEL DI LONDON DAN MUZIUM NEGARA. BUKU KECIL BERJUDUL +COMMONWEALTH NOW+ TURUT DITERBITKAN SEBAGAI RUJUKAN UMUM MENGENAI CHOGM. -- BERNAMA.'

1851MST 11 10 89